



## LEMBAGA PELABUHAN KELANG

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang  
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

### KENYATAAN RASMI

10 Januari 2021

### KESESAKAN DI PELABUHAN KLANG MENUNJUKKAN KEMAJUAN SELEPAS LANGKAH-LANGKAH PEMULIHAN DILAKSANAKAN

1. Pada bulan Disember 2020, Pelabuhan Klang telah menghadapi kesesakan di pelabuhan yang timbul daripada faktor luaran, yang mengakibatkan kelewatan kepada kapal dan penghantaran kargo, khususnya di Westports. Pada 28 Disember 2020, Menteri Pengangkutan Malaysia telah mengarahkan Pasukan Petugas yang diketuai oleh Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dan dianggotai oleh Northport, Westports, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan beberapa persatuan logistik untuk mengenal pasti punca-punca dan mengambil tindakan segera untuk mempercepatkan aliran kargo dan pergerakan kapal melalui pelabuhan.
2. Sepertimana yang dilaporkan pada sebelum ini, beberapa tindakan segera telah dilaksanakan dan hasil kemajuan tersebut sehingga 8 Januari 2021:
  - i. **Kontena reefer**

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah mengerahkan penambahan bilangan tenaga kerja bagi melakukan pemeriksaan kontena dengan 100% daripada kontena yang ditahan diperiksa dan dilepaskan dalam masa satu hari, merupakan peningkatan yang besar berbanding 60% sebelumnya. Pengambilan kontena *reefer* oleh pihak haulier dan penerima (consignees) telah menunjukkan peningkatan yang ketara dengan hampir 50% dihantar dalam masa 24 jam selepas *gate pass* dikeluarkan berbanding 30% sebelumnya. Lanjutan daripada itu, kadar penggunaan *reefer yard* telah ditambah baik dengan penurunan kepada 95% daripada 100% pada minggu lalu.
  - ii. **Kadar penggunaan yard**

Usaha sama dengan syarikat perkapalan telah berhasil dalam memuatkan kapal-kapal dengan lebih banyak kontena export dan *transshipment* yang telah lama berada di pelabuhan. Beberapa syarikat perkapalan juga telah mengerahkan kapal-kapal tambahan untuk tujuan ini dan pelabuhan memberi keutamaan kepada kapal-kapal tersebut berlabuh bagi memudahkan pusingan kapal dengan lebih cepat. Selain itu, ejen penghantaran dan pengimport telah meningkatkan usaha untuk membawa keluar kontena import dari pelabuhan lebih awal dan mengelakkan penyimpanan dalam kawasan pelabuhan. Dengan pemindahan sebanyak 20,000 TEU kontena export dan *transshipment*, kadar penggunaan *yard* telah menurun daripada 90% kepada 82%, membolehkan pihak terminal beroperasi dengan produktiviti yang lebih baik.
  - iii. **Peningkatan perkhidmatan daripada Agensi Kerajaan**

Selain MAQIS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga telah mengerahkan penambahan pegawai dan kakitangan untuk mempercepatkan pelepasan dokumen import dan export, selain penyediaan kaunter khas untuk *reefer* dan barangan mudah rosak (perishable goods).

**iv. Tempoh menunggu kapal**

Pada bulan Disember 2020, tempoh purata menunggu kapal untuk berlabuh adalah selama 5 hari. Ini telah meningkat dengan ketara sejak minggu lalu dengan kapal kini akan dapat berlabuh dalam masa 24 jam setelah tiba di luar kawasan berlabuh.

3. Semua pihak akan terus bekerjasama dengan erat untuk memastikan keadaan dikendalikan dengan baik serta prinsipal kargo dan syarikat perkapalan memberikan perkhidmatan dalam masa yang tepat dan efisien. Sepertimana yang dimaklumkan terdahulu, isu ini adalah disebabkan faktor luaran, tetapi LPK dan komuniti logistik akan mengambil semua langkah-langkah yang diperlukan untuk meminimumkan segala kesulitan yang dihadapi oleh pengguna pelabuhan, terutamanya dengan jangkaan kenaikan barangan sehingga Tahun Baru Cina pada bulan Februari 2021.

**DATUK CHONG SIN WOON**

Pengerusi

Lembaga Pelabuhan Kelang

.....TAMAT.....



**PORT KLANG AUTHORITY**

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang  
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

**OFFICIAL STATEMENT BY PORT KLANG AUTHORITY**

**PORT CONGESTION AT PORT KLANG SHOWS IMPROVEMENT  
AFTER REMEDIAL MEASURES IMPLEMENTED**

**10 January 2021**

1. In December 2020, Port Klang faced port congestion arising from mainly external factors, resulting in delays to ships and cargo delivery, particularly at Westports. The Minister of Transport on 28/12/2020 directed a Task Force headed by Port Klang Authority and comprising Northport, Westports, Royal Malaysian Customs Department (RMCD), MAQIS and several logistics associations to identify the root causes and take immediate measures to expedite cargo flow and the movement of ships through the port.
2. As reported earlier, several immediate measures were put in place resulting in improvements as of 8/01/2021:
  - i) **Reefer Containers**  
MAQIS has deployed additional manpower to conduct container inspections with 100% of all blocked containers inspected and released within a day, a vast improvement compared to 60% previously. Reefer Container pick up by hauliers and consignees has improved significantly with almost 50% delivered within 24 hours after gate passes are issued against 30% previously. This has led to improved reefer yard utilization which has dropped to 95% from 100% last week.
  - ii) **Yard Utilization**  
Joint efforts with shipping lines have resulted in ships loading more exports and transshipment containers which have remained for long periods in the port. Some Lines have also deployed additional ships for this purpose and the port has provided berthing priority for these ships to facilitate quicker turn around. Additionally, forwarding agents and importers have stepped up efforts to clear import containers from the port early and avoid storage within the port area. With a net evacuation of 20,000 TEUs of export and transshipment containers, yard utilization has dropped from 90% to 82%, enabling the terminal to operate with better productivity.
  - iii) **Improved Services from Government Agencies**  
Aside from MAQIS, Customs Dept has also deployed additional officers to expedite clearance of import and export documents, besides assigning special counters for reefer and perishable goods.
  - iv) **Vessel waiting time**  
In December 2020, the average waiting time for vessel to berth was 5 days. This has significantly improved over the last week with vessels now getting a berth within 24 hours of arrival at the outer anchorage.
3. All parties will continue to work closely to ensure the situation is adequately managed and that cargo principals and shipping companies are serviced in a timely and efficient manner. As mentioned earlier, the issue is mainly caused by external factors but PKA and the logistics community will take all necessary measures to minimise any inconvenience to port users, especially with the anticipated increase in goods leading up to Chinese New Year in February 2021.

**DATUK CHONG SIN WOON**

Chairman  
Port Klang Authority

.....END.....